

BERITA HARIAN

DATE: 18 / 01 / 2008

Abdullah serah KSN kaji kesesuaian ganti bonus

Mohd Sidek pertimbang permohonan Cuepacs tuntutan sugu hati

BH-18/1/2008

Oleh Azman Zakaria
dan Saufi Hamzah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan menyerahkan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Sidek Hassan untuk menentukan kesesuaian permohonan Cuepacs mendapatkan sugu hati untuk kira-kira 1.2 juta kakitangan awam sebagai ganti bonus tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau belum membuat keputusan, tetapi KSN akan memaklumkan kepadanya sama ada permintaan itu munasabah atau sebaliknya.

Abdullah diminta mengulas mengenai permohonan Cuepacs mendapatkan sugu hati itu pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi Umno di sini, semalam.

Isnin lalu, permohonan Cuepacs untuk bayaran sugu hati itu mendapat reaksi positif KSN selepas perbincangan diadakan di Jabatan Perdana Menteri.

Presidennya, Omar Osman, dilaporkan berkata, Mohd Sidek bersetuju menyampaikan permohonan kepada Perdana Menteri untuk diputuskan.

Pada 10 September tahun lalu, Cuepacs menghantar memorandum memohon kerajaan mempertimbangkan semula pemberian bonus atau menggantikannya dengan sugu hati RM2,000 kepada setiap kakitangan awam tanpa mengira gred.

Pada sidang media itu, Abdullah menegaskan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) perlu mengemukakan permohonan kepada polis untuk mengadakan perhimpunan di Stadium Bukit Jalil pada 23 Februari depan.

“Biarlah mereka (Bersih) membuat permohonan kepada polis. Polis tahulah apa nak jawab,” katanya ketika diminta mengulas rancangan perhimpunan itu selepas Bersih mendakwa beliau dan Ketua Polis Negara memberitahu tiada masalah jika mahu mengadakan perhimpunan dalam stadium.

Menjawab pertanyaan lanjut, Perdana Menteri berkata, mereka (Bersih) selalu buat macam-macam perhimpunan.

“Tak ada pandangan apa lagi dah... dia orang kena kemukakan permohonan kepada polis,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Umno yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata kerajaan berharap skim perlindungan insurans yang akan dilancarkan tidak lama lagi dapat memberi faedah kepada lebih 300,000 pembantu asing di ne-

gara ini.

Ketika ditanya mengenai aduan Persatuan Pembantu Rumah Asing Malaysia (Papa) bahawa skim itu mahal, Radzi berkata: “Tunggulah pelancaran nanti, pelbagai penjelasan mengenai butiran skim perlindungan insurans itu akan diketahui.”

Skim itu antara perkara yang dipersetujui dalam memorandum persefahaman (MoU) Malaysia-Indonesia yang ditandatangani pada 13 Mei 2006. Skim perlindungan insurans RM75 setahun itu akan diwajibkan ke atas setiap majikan.

Sebelum ini, akhbar melaporkan kenyataan jurucakap Papa bahawa skim itu akan dikendalikan Konsortium Syarikat Takaful Malaysia yang mengenakan premium sehingga RM95 setahun bagi setiap pembantu rumah asing berbanding RM30 dan RM33 setahun untuk skim sedia ada.